

SOALAN NO.: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD
ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk terus menjaga kedudukan pasaran lada negara terus menjana pendapatan tinggi.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri lada negara dalam tahun 2013 telah menjana pendapatan eksport sebanyak RM273.3 juta, peningkatan sebanyak 11.6% berbanding RM245 juta pada tahun 2012. Dalam hal ini, Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) akan meneruskan langkah-langkah bagi memastikan kedudukan industri lada negara terus berkembang dan para pekebun kecil lada menikmati pendapatan yang lumayan.

Bagi meningkatkan pasaran eksport lada negara, Kementerian bersama-sama dengan MPB akan menerajui usaha-usaha untuk memperkuatkkan pasaran sedia ada dan pasaran baru. Ini termasuk eksport lada ke Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Republik Rakyat China, Sweden, Sepanyol dan Jerman. Pada tahun 2014, Malaysia telah menyertai lima (5) eksposisi antarabangsa dan misi perdagangan. Selain itu, enam (6) pameran tempatan bertaraf antarabangsa dan 24 pameran pembangunan tempatan telah diadakan pada tahun 2014. MPB juga akan meneruskan penyertaan di pameran-pameran antarabangsa bagi meningkatkan pasaran. Ini termasuk pameran Food Ingredient Europe, ANUGA di Jerman, FOODEX di Jepun dan Fine Foods Australia. Pada tahun hadapan, MPB akan menyertai sekurang-kurangnya tiga (3) pameran antarabangsa di luar negara.

Di peringkat domestik pula, MPB turut terlibat dalam beberapa pameran bagi meningkatkan penggunaan lada dalam makanan yang diproses. Ini

termasuk Malaysia International Halal Showcase, Malaysia International Food and Beverage Fair, Halal Fiesta Malaysia dan Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show. Usaha-usaha ini telah berjaya meningkatkan penggunaan lada dalam negara daripada 500 tan metrik pada tahun 1980 kepada 9,480 tan metrik pada tahun 2013.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain usaha-usaha promosi bagi mengekalkan kedudukan pasaran lada negara, lain-lain usaha berterusan yang dilaksanakan termasuk:

- i. meningkatkan persijilan keselamatan makanan bagi produk-produk lada Malaysia melalui Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP), International Standards Organisation (ISO);
- ii. meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan bagi mempelbagaikan produk-produk berasaskan lada;
- iii. menggalakkan pekebun kecil lada mengeluarkan lada berkualiti premium seperti Lada Putih Krim dan Lada Berkualiti Eksport; dan
- iv. bekerjasama dengan lain-lain pengeluar utama lada di bawah kerangka *International Pepper Organisation (IPO)* bagi meneroka pasaran baru dan pertukaran maklumat mengenai penggunaan lada dan produk-produk baru.

Sekian, terima kasih.